

07/01/2001

Iktibar daripada tuntutan Suqiu

Zainuddin Ayip

EPISOD yang menyentak perasaan dan sensitiviti kaum sudah berakhir apabila Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) kelmarin, bersetuju menarik balik tujuh daripada 83 tuntutannya. Orang Melayu yang menjadi warga terbesar negara ini sudah pasti berasa lega kerana kedudukan dan hak istimewa mereka tidak lagi dicabar.

Secara tidak langsung, ia adalah suatu kemenangan rakyat yang baru saja memasuki tahun baru 2001. Bagi orang Melayu, perkara itu tentu disambut gembira, lanjutan kegembiraan merayakan Aidilfitri baru-baru ini, manakala Cina pula harus menyemai kegembiraan seperti perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut tidak lama lagi.

Apapun, isu itu harus dijadikan iktibar semua pihak agar tidak berlaku lagi tuntutan yang bukan-bukan, apa lagi membabitkan hak orang lain. Untuk mengekalkan keharmonian kaum dan hidup saling bermaufakat, semua pihak harus peka. Suqiu sendiri akur hak keistimewaan orang Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta dasar kerajaan yang melaksanakan perkara itu, tidak boleh dipertikaikan.

Rakyat bersyukur episod itu sudah berakhir walaupun kemungkinan ada lagi cerita di belakang mengenai tuntutan itu. Tiada siapa dapat menduga kesan daripada isu berkenaan jika dibiarkan berpanjangan. Negara mungkin kacau bilau. Kemarahan orang Melayu mungkin membuak jika kontrak sosial dicabul.

Mujurlah Pergerakan Pemuda Umno mengambil inisiatif menentang tujuh perkara yang dibangkitkan oleh Suqiu. Setelah bermesyuarat panjang lebar di beberapa tempat hingga larut malam, kedua-dua pihak, mencapai kata sepakat agar tujuh tuntutan berbaur sensitif itu digugurkan.

Yang jelas, episod tuntutan itu bukan hanya menjadi pengajaran kepada Suqiu, malah masyarakat Cina keseluruhannya. Juga kepada bangsa lain yang menetap di negara ini termasuk pendatang yang mencari makan di sini. Walaupun suasana yang berlaku agak tegang, nampaknya semua pihak boleh bertenang. Jaminan Suqiu untuk tidak lagi mengulangi isu sensitif berkaitan orang Melayu harus dicontohi pertubuhan Cina yang lain. Ini kerana di sebalik tujuh tuntutan itu, masih ada isu yang belum terlerai, termasuk Sekolah Wawasan, yang turut menimbulkan keresahan jika terus dieksploitasi.

Sekiranya isu seperti yang dibangkitkan Suqiu tidak segera diselesaikan, ia mungkin dibangkitkan semula pada suatu ketika nanti walaupun jawatankuasa itu telah menarik balik sebahagian tuntutan mereka.

Apa yang penting, segala masalah yang berlaku sekarang harus diselesaikan sekarang juga agar tidak berbangkit pada masa akan datang. Walaupun Suqiu sudah menarik balik sebahagian tuntutan mereka, ia tidak menjamin perkara itu tidak akan dibangkitkan lagi oleh pihak lain pada masa depan.

Generasi masa depan tidak tahu apa yang berlaku di negara ini berpuluh-puluh tahun lalu dan apa yang pemimpin terdahulu buat untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan yang ada sekarang.

Memang negara amalkan sistem demokrasi dan semua orang boleh beri pandangan, tetapi harus diingat bahawa negara ini dihuni pelbagai kaum. Kalau sesuatu pandangan boleh mencetuskan kekacauan, apa gunanya pandangan itu walau bernas sekali pun.

Memang banyak pihak mengalu-alukan pengguguran tujuh tuntutan Suqiu itu. Tindakan itu, disifatkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai kemenangan rakyat Malaysia, sekali gus menghindar

ketegangan kaum yang mungkin tercetus.

"Sebenarnya di dalam hal ini, tiada pihak yang menang atau kalah. Yang menang ialah rakyat Malaysia yang mahu hubungan berbaik-baik antara kaum terus dikekalkan untuk menjamin keselamatan dan keamanan negara," katanya.

Langkah itu juga memberi pengajaran berguna kepada rakyat Malaysia agar berfikir dulu sebelum membincangkan isu sensitif kaum tertentu secara terbuka, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula mengucapkan syabas kepada jawatankuasa itu.

"Kita bermula tahun baru dengan berita yang melegakan. Mereka sudah faham ada sebahagian perkara asas tidak sepatutnya ditimbulkan," katanya.

Bagaimanapun, orang Melayu tidak harus bermegah dengan hak keistimewaan yang ada hingga malas berusaha dan terlalu bergantung harap kepada bantuan dan sokongan kerajaan semata-mata. Jika mereka mahu menjadi bangsa yang kuat dan kekal sebagai tuan di negara sendiri, mereka mesti kerja kuat. Orang Melayu perlu hidup bersatu. Persefahaman mesti dikekalkan dan perpecahan perlu ditolak.

Suasana harmoni dan saling bertolak-ansur harus dijadikan tunjang kehidupan.

Proses penyatuan semula orang Melayu yang bakal dilaksanakan tiga parti Melayu terbesar Umno, Pas dan Keadilan menerusi meja rundingan, harus dilihat sebagai tapak permulaan untuk membuang yang keruh dan mengambil yang jernih.

Pemimpin atasan wajar memulakan usaha penyatuan itu terlebih dulu sebelum diterjemahkan kepada pemimpin bawahan dan ke seluruh lapisan penduduk Melayu, tanpa mengira fahaman dan ideologi politik.

Jika masyarakat Melayu melihat ketiga-tiga pemimpin utama bersalaman sambil tersenyum di dada akhbar dan kaca televiyen, sudah pasti ia disambut oleh semua pihak orang Melayu memang boleh bersatu walaupun berbeza pendapat, bak kata pepatah air dicincang tidak akan putus.

Apa yang penting, agenda perpaduan harus dijadikan satu titik persamaan agar semua pihak menghormati perbezaan pendapat sejajar dengan amalan demokrasi tulen, asalkan perbezaan itu tidak menjejaskan keharmonian sesama Melayu.

Dalam perutusan Aidilfitri yang disiarkan melalui RTM, baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyeru umat Islam di negara ini supaya melupakan perselisihan faham dan permusuhan antara mereka dalam agama dan politik.

Perdana Menteri mengajak umat Islam mengambil ingatan dan iktibar daripada maksud asal amalan bersalaman supaya umat kembali kepada ajaran Islam yang menyuruh mereka bersaudara dan bersatu-padu.

"Bersalamanlah dengan hati yang bersih daripada segala sangkaan buruk terhadap saudara seagama pada hari yang mulia ini," katanya.

Cadangan Presiden Pas supaya diadakan gencatan mulut juga satu pesanan kepada orang Melayu agar menghentikan amalan memaki hamun dan tuduh menuduh di antara satu sama lain. Apa pun, Pas harus mengotakan janji agar tidak menghentikan kerajaan dalam siri ceramahnya.

Imam Besar II Masjid Negara, Firdaus Ismail, pula mahu umat Islam negara ini terus hidup rukun damai dan melayari bulan Syawal sekarang dengan hati bersih dan terbuka.

"Kita boleh melupakan segala perbezaan. Syawal harus menyatukan kita lahir dan batin. Pada bulan ini kita tidak harus membesarkan perselisihan yang kecil sebaliknya lebih menumpukan perasaan dan fikiran kepada titik pertemuan yang ada sesama kita.

"Kita satu-satunya umat Islam bukan saja diikat oleh satu akidah, tetapi juga oleh satu bangsa. Disebabkan Syawal, kita sanggup balik kampung dari tempat kerja yang jauh untuk menemui ibu bapa dan sanak saudara," katanya.

Bangsa Melayu juga harus berani menyahut sabaran dan tidak mudah mengalah. Tokoh pendidikan dan psikologi, Prof Datuk Yunus Noor, berkata masalah berkaitan `inferiority complex' (rasa rendah diri) mesti dikikis.

"Sebenarnya sesetengah mereka rendah diri, tetapi berlagak tinggi kerana hendak tunjuk kuasa, hendak tunjuk pandai. Sebab itu, di peringkat, kerani pun hendak tunjuk kuasa. Apabila orang datang minta borang, disuruh datang esok. Ini berlaku kerana kita hendak bersaing dan hendak tunjukkan sebenarnya kita juga hebat.

"Tapi, bukan tidak ada orang Melayu yang hebat. Ada, tapi jumlahnya tidak banyak. Sebab itu, kita dapat jutawan Melayu yang tak berguna, tiada semangat untuk bela dan bantu orang Melayu lain. Bagaimanapun, tidak semua begini," katanya.

Memang benar, kegagalan sebahagian orang Melayu disebabkan orang Melayu sendiri tidak mahu beri sokongan. Ini jadikan orang Melayu yang senang lenang tidak rasa persaingan sebagai bangsa. Ada contoh jutawan Melayu berbangga dengan kedudukannya, tetapi apabila ditanya berapa banyak mereka sudah membantu orang Melayu jadi jutawan, mereka jawab tiada.

(END)